

KANDUNGAN

Prakata	i
Pengenalan	1
Latar Belakang	1
Tujuan	1
Skop	2
Tafsiran	2
Pematuhan Akta 555 Dan Peraturan-Peraturan Di Bawahnya	7
Piawaian Pengendalian Pembelajaran Secara Terbuka dan Jarak Jauh (ODL)	8
Piawaian Penubuhan Institusi Bagi Mengendalikan Pembelajaran Secara Terbuka dan Jarak Jauh (ODL)	17
Prosedur Permohonan Pengendalian Pembelajaran Secara Terbuka dan Jarak Jauh (ODL)	19
Senarai Semak Permohonan Pengendalian Kursus Pengajian Atau Program Baru, Tambahan Dan Pembaharuan Secara ODL	20
Carta Alir Permohonan Pengendalian Kursus Pengajian Atau Program Secara ODL	24
Tempoh Pemprosesan	26
Tarikh Kuat Kuasa	26
Penutup	26
Pertanyaan	27
Rujukan	27



PRAKATA

TIMBALAN KETUA PENGARAH
PENGURUSAN PENGAJIAN TINGGI SWASTA
JABATAN PENGAJIAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Pembangunan garis panduan dan piawaian merupakan satu usaha berterusan ke arah mempertingkatkan pengurusan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) melalui pengamalan terbaik sejajar dengan aspirasi menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi serantau dan antarabangsa.

Bagi menghadapi persaingan dan pasaran global, garis panduan yang dibangunkan ini bakal menjadi panduan bagi meningkatkan keyakinan pengurusan berkualiti, imej dan daya saing dalam penawaran pengajian tinggi swasta.

Garis panduan ini digarap berdasarkan kepada kepentingan semua pihak yang terlibat dalam Sektor Pengajian Tinggi Swasta. Justeru bagi mewujudkan amalan terbaik di kalangan IPTS, kesedaran dan usaha perlu digembleng secara berkesan dan menyeluruh untuk memacu pelaksanaan garis panduan dan piawaian ini. Panduan ini memerlukan komitmen yang tinggi daripada kesemua pihak khususnya IPTS dan pemegang taruh yang lain.

Menjadi harapan Pengurusan Pengajian Tinggi Swasta agar semua IPTS mengamalkan panduan ini serta memantapkan kualiti pengurusan IPTS ke arah meningkatkan kecemerlangan IPTS.

Sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membangunkan dan menjayakan penerbitan garis panduan dan piawaian ini.

Sekian.

DATUK PROF. DR. ROZIAH BINTI OMAR

1. PENGENALAN


Garis panduan ini merupakan dokumen rujukan yang perlu diguna pakai oleh semua institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) dalam mengendalikan pembelajaran secara terbuka dan jarak jauh (*Open and Distance Learning, ODL*). ODL menyediakan peluang pembelajaran sepanjang hayat dengan membuka peluang kepada orang awam terutamanya golongan dewasa yang berkecenderungan untuk mengikuti kursus yang diminati di lokasi berhampiran dengan tempat kerja atau kediaman mereka. Disamping itu, ODL merupakan pelengkap kepada pendidikan formal yang telah lama diwujudkan oleh institusi pengajian tinggi (IPT). Dengan terbuka luasnya peluang ini, hasrat Kerajaan ke arah pendemokrasian pendidikan tertiar dapat direalisasikan.

2. LATAR BELAKANG

Selain pendidikan yang dikendalikan secara konvensional di mana proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan bersemuka antara guru dengan pelajar, terdapat juga kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dikendalikan secara terbuka. Falsafah pendidikan terbuka ini berasaskan satu sistem pendidikan yang membuka peluang pelajaran kepada semua sama ada dari segi kelayakan asas, umur, masa dan tempat pembelajaran. Untuk itu satu garis panduan dan piawai dibentuk bagi memastikan pengendalian pembelajaran secara terbuka dan jarak jauh (ODL) mematuhi kriteria yang ditetapkan bagi memperkasakan IPTS sebagai sebuah institusi pengajian tinggi negara.

3. TUJUAN

Memberi panduan kepada mana-mana pihak IPTS yang berhasrat untuk menawarkan pembelajaran secara terbuka dan jarak jauh (ODL) yang memenuhi kriteria seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*] dan



Peraturan-Peraturan di bawahnya. Ia juga dapat dijadikan bahan rujukan dan panduan kepada pelajar dan orang awam untuk menilai kursus pengajian atau program yang ditawarkan oleh sesebuah IPTS.

4. SKOP

Garis panduan dan piawaian ini merangkumi kriteria, piawaian dan tatacara permohonan mengendalikan pembelajaran secara terbuka dan jarak jauh (ODL) di IPTS.

5. TAFSIRAN

Bagi maksud garis panduan dan piawaian ini, tafsiran istilah adalah seperti yang diperuntukkan di bawah Akta 555 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

5.1 “fi yang ditetapkan”

Fi yang dikehendaki supaya ditetapkan di bawah Akta 555.

5.2 “institusi pendidikan tinggi swasta”

Organisasi atau institusi pendidikan, termasuklah Universiti atau Kolej Universiti atau kampus cawangan yang diluluskan dan didaftarkan di bawah Akta 555, yang tidak ditubuhkan atau disenggarakan oleh Kerajaan-

- (a) yang menyediakan pendidikan tinggi;
- (b) yang menyediakan pendidikan jarak jauh; atau
- (c) yang menyediakan pendidikan tinggi atau pendidikan jarak jauh secara bergabung, bersekutu atau bekerjasama dengan–

- (i) institusi pendidikan tinggi swasta yang diluluskan dan didaftarkan di bawah Akta 555;
- (ii) institusi pendidikan tinggi lain–
 - (aa) sama ada atau tidak ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis lain; atau
 - (bb) sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (iii) Universiti atau Kolej Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta 555;
- (iv) Universiti atau Kolej Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971;
- (v) Universiti atau Kolej Universiti lain–
 - (aa) sama ada atau tidak ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis lain; atau
 - (bb) sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (vi) kampus cawangan; atau
- (vii) badan profesional sama ada di dalam atau di luar Malaysia yang membawa kepada penganugerahan keanggotaan profesional badan profesional itu.

5.3 “kampus cawangan”

Cawangan institusi pendidikan tinggi swasta yang bertaraf Universiti atau Kolej Universiti dan termasuklah cawangan Universiti atau Kolej Universiti luar negeri, yang ditubuhkan di bawah Akta 555.

5.4 “kelulusan”

Kelulusan secara bertulis.

5.5 “ketua eksekutif”

Ketua eksekutif institusi pendidikan tinggi swasta.

5.6 “Ketua Pendaftar”

Ketua Pendaftar institusi pendidikan tinggi swasta yang dilantik di bawah subseksyen 3(1).

5.7 “Kolej Universiti’ dan ‘Universiti”

Institusi pendidikan tinggi swasta yang diberikan taraf Universiti atau Kolej Universiti di bawah seksyen 21, dan termasuklah institusi pendidikan tinggi swasta yang bergabung dengan Universiti atau Kolej Universiti sama ada di dalam atau di luar Malaysia, yang diberikan taraf Universiti atau Kolej Universiti.

5.8 “kursus pengajian”

Satu kursus atau suatu set kursus yang berkaitan yang membawa kepada penganugerahan sijil, diploma atau ijazah sesudah tamat mengikuti dengan jayanya kursus pengajian itu.

5.9 “pelajar”

Seseorang pelajar berdaftar, selain pelajar di suatu institusi yang bersekutu dengan institusi pendidikan tinggi swasta, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada peringkat persediaan, pra ijazah, lepas ijazah atau lepas kedoktoran secara sepenuh masa atau sambilan dalam, oleh atau dari institusi pendidikan tinggi swasta itu, dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah.

5.10 “pendidikan jarak jauh”

Ajaran atau latihan mengenai atau pengajaran pendidikan tinggi-

- (a) melalui media elektronik semata-mata;
- (b) melalui surat semata-mata;
- (c) yang sebahagiannya adalah melalui media elektronik dan sebahagian lagi melalui surat dan kaedah-kaedah ajaran, latihan atau pengajaran yang lain; atau
- (d) yang sebahagiannya adalah melalui media elektronik dan sebahagian lagi melalui surat atau kaedah-kaedah ajaran, latihan atau pengajaran yang lain.

5.11 “pendidikan tinggi”

Ajaran atau latihan mengenai atau pengajaran kursus pengajian yang membawa kepada penganugerahan sijil, diploma atau ijazah sesudah tamat mengikuti dengan jayanya kursus pengajian itu.

Tambahan Tafsiran

Bagi maksud garis panduan dan piawaian ini, tambahan tafsiran istilah adalah penambahan tafsiran selain daripada peruntukan Akta 555 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

5.12 “Pembelajaran Secara Terbuka Dan Jarak Jauh (*Open and Distance Learning, ODL*)”

Pembelajaran terbuka dan jarak jauh merujuk kepada penyediaan peluang pendidikan yang fleksibel dari segi pemerolehan pengetahuan.

- (a) Fleksibel bermakna ketersediaan pilihan untuk usaha pendidikan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat.

- (b) Akses bermakna peluang yang dibuat kepada semua, yang dapat membebaskan mereka daripada kekangan masa dan tempat.
- (c) Mod berganda bermaksud penggunaan pelbagai sistem penyampaian dan sumber pembelajaran.

5.13 “pusat wilayah”

Sebuah pusat atau kemudahan yang disediakan atau ditubuhkan oleh suatu institusi pendidikan tinggi swasta yang berjauhan daripada institusi utama bagi tujuan membolehkan pelajar-pelajar berkumpul untuk berinteraksi dari segi pengajaran dan pembelajaran.

5.14 “platform elektronik”

Berfungsi sebagai suatu gudang dalam talian bagi pelbagai bahan digital pembelajaran, ujian, tugas dan maklumat pentadbiran yang boleh diakses oleh para jurulatih dan pelajar. Ia juga berperanan sebagai suatu landasan bagi membolehkan interaksi secara dalam talian di antara jurulatih atau tutor dan pelajar dengan menggunakan pelbagai perkakasan web. Contoh platform elektronik ialah:

- (a) LMS – Sistem Pengurusan Pembelajaran
- (b) LCMS – Sistem Pengurusan Isi Kandungan Pembelajaran

6 PEMATUHAN AKTA 555 DAN PERATURAN-PERATURAN DI BAWAHNYA

Dalam Akta 555 memperuntukkan tentang pengendalian kursus pengajian atau program yang ditawarkan di IPTS. Dalam membuat permohonan mengendalikan pembelajaran secara terbuka dan jarak jauh (ODL), pemohon harus merujuk dan mematuhi kepada peruntukan berkaitan seperti mana terkandung dalam seksyen berikut:

- 6.1 Seksyen 38** - Kelulusan terdahulu Menteri mengenai kursus pengajian dan gabungan, dsb.
- 6.2 Seksyen 39** - Pihak berkuasa yang menentukan cukup tidaknya kemudahan pendidikan dan penjaminan kualiti kursus pengajian.
- 6.3 Seksyen 40** - Pemberian kelulusan tertakluk kepada syarat.
- 6.4 Seksyen 45** - Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi penyeliaan dan kawalan standard pendidikan.

7. PIAWAIAN PENGENDALIAN PEMBELAJARAN SECARA TERBUKA DAN JARAK JAUH (ODL)

Perubahan teknologi dan kaedah komunikasi kini, telah membentuk satu kaedah pembelajaran dan pengajaran secara terbuka dan jarak jauh (ODL). Menjadi tanggungjawab Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) membentuk program yang berasaskan ODL mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Matlamat, objektif dan hasil pembelajaran program haruslah menyeluruh dan selaras dengan visi dan misi IPT. Kandungan program yang dibentuk perlulah jelas dan hasilnya boleh dicapai di antara penyampai dan penerima program.

7.1 Autonomi Akademik

- 7.1.1 Pihak IPT perlu berupaya untuk mereka bentuk atau mengubah suai kurikulum dan program berdasarkan kepada sumber IPT.
- 7.1.2 Sebagai satu jaminan kualiti program, IPT perlu mewujudkan satu jawatankuasa akademik di dalam usaha memastikan keseluruhan proses bermula daripada pembentukan program, perancangan program, perlaksanaan program, penilaian dan semakan program serta penambahbaikan program mengikut piawai dan standard yang telah digariskan oleh Agensi Kelayakan Malaysia dan KPM.
- 7.1.3 Jawatankuasa akademik mempunyai autoriti dan prosedur yang telah ditetapkan untuk merancang dan memantau program.

7.2 Kaedah Pengajaran Program

Kaedah pengajaran yang digunakan perlulah sesuai dan konsisten, di samping menyokong pencapaian hasil pembelajaran program. Terdapat pelbagai kaedah pengajaran yang terdiri daripada:

- 7.2.1 Pembelajaran sendiri dengan menggunakan pelbagai bahan pembelajaran melalui pelbagai medium.
- 7.2.2 Pertemuan bersemuka di pusat-pusat wilayah.
- 7.2.3 Interaksi atas talian.

Kaedah pengajaran boleh merangkumi salah satu kaedah seperti di atas atau kesemuanya.

7.3 Bahan Pembelajaran

- 7.3.1 Bahan pembelajaran merangkumi bahan bercetak dan bahan digital. Bahan pembelajaran ini merupakan sumber utama untuk aktiviti pembelajaran dan pengajaran (P&P).
- 7.3.2 Bahan pembelajaran dalam bentuk interaktif hendaklah dibangunkan khas menggunakan prinsip-prinsip '*instructional design*' untuk menyokong pembelajaran sendiri.
- 7.3.3 Bahan P&P haruslah membolehkan pelajar berinteraksi secara aktif dengan kandungan bahan.

7.4 Medium

Penggunaan medium yang sesuai boleh mewujudkan pembelajaran secara kolaboratif. Medium P&P boleh terdiri daripada salah satu atau gabungan yang berikut:

7.4.1 Internet

7.4.2 Sidang video

7.4.3 Pertemuan bersemuka

7.4.4 Alat komunikasi mudah alih

7.4.5 Platform elektronik (*LMS-Sistem Pengurusan Pembelajaran/ LCMS-Sistem Pengurusan Isi Kandungan Pembelajaran/ Portal Pembelajaran*)

7.5 Jam Pertemuan

Sistem jam kredit digunakan dalam pembentukan silibus kursus pengajian atau program, di mana setiap kursus pengajian atau program diberikan nilai kredit. Dalam pembelajaran secara ODL, pengiraan nilai kredit ini tidak hanya mengambil kira pertemuan bersemuka sahaja, tetapi juga pertemuan secara dalam talian dan keseluruhan aktiviti P&P.

Seperti amalan semasa satu (1) kredit adalah bersamaan dengan 40 jam pembelajaran atau *student learning time* (SLT).

Sebagai contoh:

Satu mata pelajaran tiga (3) kredit memerlukan SLT 120 jam, iaitu (40 jam x 3 kredit) seperti yang digambarkan dalam jadual berikut:

Aktiviti	Nilai Jam Untuk Satu Semester	Penerangan
Pertemuan bersemuka	8-10 jam	Pembelajaran adalah dalam bentuk tutorial berpandukan modul sendiri yang telah disediakan kepada pelajar. Kaedah pertemuan bersemuka boleh berlangsung secara atas talian.
Interaksi dalam talian	15-20 jam	Pembelajaran berlaku dalam bentuk interaksi dengan e-tutor dan rakan sekuliah di dalam e-forum, media sosial dan LMS
Pembelajaran sendiri	90 – 97 jam	Pembelajaran secara bebas (<i>independent learning</i>) menggunakan modul dan bahan-bahan pembelajaran yang lain dalam bentuk cetak dan digital berasaskan prinsip reka bentuk pengajaran
Jumlah	120 jam	

7.6 Kaedah Akademik

Penyedia ODL mengguna pakai kaedah akademik yang lebih fleksibel selaras dengan keperluan pelajarannya. Pada asasnya program ini adalah terbuka kepada sesiapa sahaja. Sistem ini menitikberatkan pengumpulan kredit untuk tujuan pengijazahan yang mana penyempurnaan sesuatu kredit bergantung kepada sistem penilaian yang diguna pakai. Antara ciri-ciri kaedah ini ialah seperti berikut:

- 7.6.1 Penggunaan syarat kemasukan lain yang lebih fleksibel selain daripada syarat kelayakan masuk yang telah ditetapkan dan diluluskan oleh pihak KPM, dengan mengambil kira pengalaman pembelajaran terdahulu (*Accreditation Of Prior Experiential Learning, APEL*), sebagai satu saluran kemasukan alternatif. Melalui

saluran ini, calon boleh memohon untuk kemasukan ke mana-mana kursus pengajian atau program atau dengan menggunakan kelayakan yang lebih rendah dan disertai dengan ujian kemasukan.

(Sila rujuk kepada laman sesawang Agensi Kelayakan Malaysia www.mqa.gov.my untuk maklumat lanjut berkenaan syarat kemasukan terbuka)

Memberi peluang kepada pelajar atau bakal pelajar untuk memperoleh kredit melalui APEL. Pelajar atau bakal pelajar perlu mengemukakan bukti pengalaman pembelajaran melalui kaedah penilaian yang ditetapkan. (Sila rujuk kepada laman sesawang Agensi Kelayakan Malaysia www.mqa.gov.my untuk maklumat lanjut berkenaan kaedah penilaian APEL.)

- 7.6.2 IPT perlu menyediakan polisi dan prosedur yang jelas berhubung kaedah akademik IPT terutama bagi proses kemasukan, pemilihan pelajar serta penilaian pelajar.

7.7 Penilaian

Penilaian adalah satu (1) komponen penting untuk menentukan penguasaan pelajar terhadap hasil pembelajaran sesuatu kursus pengajian atau program dan setiap mata pelajaran. Melalui penilaian sesuatu mata pelajaran, pelajar diberikan gred yang menggambarkan tahap pencapaian masing-masing terhadap hasil pembelajaran sesuatu kursus pengajian atau program.

Berdasarkan pendekatan semasa, penilaian secara berterusan diguna pakai bagi setiap mata pelajaran yang ditawarkan. Penilaian berterusan bermaksud, pelajar dinilai pada beberapa peringkat dalam sesuatu semester; merangkumi penilaian formatif dan penilaian sumatif.

Penilaian formatif, seperti tugas, ujian, peperiksaan pertengahan semester membolehkan kedua-dua pihak pelajar dan staf akademik menilai kemajuan pelajar

terhadap hasil pembelajaran masing-masing. Penilaian formatif juga boleh merangkumi elemen penilaian tempat kerja, mengikut kesesuaian. Pada masa yang sama penilaian berbentuk formatif menyumbang terhadap gred mata pelajaran diakhir semester. Penilaian sumatif, peperiksaan akhir, semata-mata mengukur tahap pencapaian pelajar pada akhir semester.

Institusi yang menjalankan kursus pengajian atau program secara ODL harus mengimbangkan penggunaan penilaian formatif dan sumatif bagi menjamin amalan penilaian yang menggambarkan penguasaan hasil pembelajaran yang baik. Penggunaan penilaian secara atas talian juga merupakan satu kaedah yang dibenarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia. Kaedah ini perlulah jelas, telus dan didokumentasikan.

Bagi ODL, alat penilaian bagi kedua-dua penilaian formatif dan sumatif harus mampu membawa pelajar ke tahap pembelajaran yang tinggi melalui soalan-soalan yang berbentuk aplikasi, analisis, penilaian dan sintesis mengikut kesesuaian sesuatu mata pelajaran.

7.8 Pusat Wilayah

Pusat wilayah yang ditubuhkan berasingan daripada IPTS induk perlulah mendapat kelulusan penubuhan daripada pihak KPM dan hanya boleh menjalankan kursus pengajian atau program yang diluluskan sahaja. Sebagai contoh IPTS bertaraf universiti/kolej universiti yang berlokasi di Kuala Lumpur dan ingin membuka kampus wilayahnya di Kuantan, Pahang perlulah mendapat kelulusan penubuhan pusat wilayah dengan KPM. IPTS yang bernaung di bawah satu konsortium atau kumpulan atau syarikat atau pemilikan yang sama tidak boleh menggunakan premis induk atau premis cawangan IPTS sebagai pusat wilayahnya. Sebagai contoh syarikat A yang memiliki universiti 'X' dan syarikat B yang ditubuhkan di bawah syarikat A, memiliki kolej 'Y' dan kolej 'Z', tidak boleh menggunakan premis kolej 'Y' dan kolej 'Z' sebagai pusat wilayah bagi universiti

'X'. Pusat wilayah tidak dibenarkan menggunakan kemudahan atau fasiliti kerajaan. Satu (1) kursus pengajian atau program hanya dibenarkan untuk dikendalikan di empat (4) buah pusat wilayah sahaja. Hanya empat (4) buah IPTS sahaja yang dibenarkan berkongsi satu pusat wilayah.

Keperluan yang perlu ada di pusat wilayah atau premis IPT yang menjalankan program ODL merangkumi tiga (3) aspek:

7.8.1 Kemudahan Fizikal

- 7.8.1.1 Premis perlu mematuhi syarat daripada tiga (3) agensi (Bomba, Kesihatan dan Pihak Berkuasa Tempatan)
- 7.8.1.2 Menyediakan ruang pejabat, bilik tutorial, surau, kemudahan capaian internet dan kemudahan lain yang mencukupi dan bersesuaian.
- 7.8.1.3 Sebuah pusat wilayah harus menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang minimum berbanding premis induk.

7.8.2 Kemudahan ICT

- 7.8.2.1 Mewujudkan Sistem Pengurusan Pembelajaran atau Sistem Pengurusan Isi Kandungan Pembelajaran atau Portal Pembelajaran.
- 7.8.2.2 Menyediakan khidmat bantuan pelanggan.
- 7.8.2.3 Mewujudkan kemudahan digital seperti perpustakaan digital atau maya, sidang video, makmal maya, *help desk* dalam talian dan kemudahan-kemudahan yang bersesuaian dengan kursus pengajian atau program dari semasa ke semasa.

7.8.3 Sumber manusia / Sumber Pendidikan / Kemudahan Fizikal

- 7.8.3.1 Menyediakan staf akademik yang berkelayakan dan terlatih dalam ICT. Semua staf akademik hendaklah mempunyai permit mengajar dan pas pengajian (jika berkenaan).
- 7.8.3.2 Menyediakan staf bukan akademik yang berkelayakan dan terlatih dalam ICT.
- 7.8.3.3 Menyediakan kemudahan yang bersesuaian bagi program berasaskan amali dan program berasaskan kajian.
- 7.8.3.4 IPT perlu menyediakan polisi dan prosedur yang jelas berhubung penggunaan peralatan dan sumber pendidikan IPT.

7.9 Staf Akademik

Staf Akademik terdiri daripada:-

7.9.1 Penyelaras Program

Seseorang yang bertanggungjawab untuk keseluruhan pengurusan program, iaitu perancangan, pelaksanaan, penilaian dan proses penambahbaikan.

7.9.2 Pakar kursus

Pakar kursus yang dilantik bertanggungjawab untuk menyelia penyampaian mata pelajaran termasuk penyediaan tugas, ujian, peperiksaan dan semakan kurikulum.

7.9.3 Penulis modul atau isi kandungan

Staf akademik yang bertanggungjawab untuk membina dan membentuk material pembelajaran dan pengajaran. Bahan pembelajaran dan pengajaran mestilah berbentuk *self-instructional material (SIM)*.

7.9.4 Moderator

Bertanggungjawab menyederhana, memperhalusi dan mempertingkatkan bahan pembelajaran, soalan peperiksaan atau tugas.

7.9.5 Tutor

Tutor adalah staf akademik yang bertanggungjawab di dalam proses pembelajaran dan pengajaran dan mengendalikan sesi bersemuka dan/ atau elektronik.

7.10 Sistem Sokongan Pelajar dan Aktiviti Kokurikulum

Khidmat sokongan pelajar dan aktiviti kokurikulum memudah cara pembelajaran dan perkembangan peribadi secara menyeluruh di samping menyumbang dalam pencapaian hasil pembelajaran.

Kaunseling mengenai kaedah pembelajaran akademik dan peribadi pelajar dapat membimbing pelajar ke arah yang lebih cemerlang. Kaunseling boleh dijalankan secara:

7.10.1 Mengadakan latihan kemahiran belajar.

7.10.2 Mewujudkan pusat bantuan pelajar bagi membantu pelajar yang mempunyai masalah peribadi dan akademik.

8. PIAWAIAN PENUBUHAN INSTITUSI BAGI MENGENDALIKAN PEMBELAJARAN SECARA TERBUKA DAN JARAK JAUH (ODL)

8.1 Institusi

- 8.1.1 Bagi IPTS yang menawarkan kursus pengajian atau program secara konvensional, hanya tiga puluh peratus (30%) daripada jumlah keseluruhan kursus pengajian atau program yang ditawarkan (yang telah mendapat akreditasi penuh) oleh IPTS induk (IPTS yang bukan berstatus pusat wilayah) yang boleh dijalankan secara ODL.
- 8.1.2 Bagi IPT luar negara yang ingin menjalankan kursus pengajian atau program secara ODL (kursus pengajian yang dijalankan secara maya) di Malaysia perlu mempunyai premis yang berdaftar dengan KPM, dan premis tersebut akan bertindak sebagai pusat wilayahnya (ini tertakluk kepada dasar *Pembelajaran Terbuka dan Jarak jauh*, ODL KPM).

8.2 Governan

- 8.2.1 Institusi perlu jelas dengan fungsi dan struktur governannya dan ia juga perlu didokumentasikan bagi tujuan rujukan.
- 8.2.2 Lembaga Governan yang dilantik bertanggungjawab di dalam penentuan dasar institusi dan mempunyai kuasa autonomi di dalam pentadbiran institusi.
- 8.2.3 Perlu mempunyai perbezaan peranan dan tanggungjawab antara pihak governan institusi (Lembaga Governan) dengan pihak pengurusan syarikat.
- 8.2.4 Lembaga governan bertanggungjawab ke atas perihal kewangan formal, perkhidmatan dan pengagihan tanggungjawab.

8.3 Tadbir Urus Akademik

- 8.3.1 Satu jawatankuasa tadbir urus akademik dibentuk bagi mengawal dan bertanggungjawab terhadap program akademik IPT.
- 8.3.2 Jawatankuasa ini mempunyai autoriti di dalam reka bentuk, penyampaian dan semakan kurikulum.
- 8.3.3 Maklumat dan data yang berhubung kait dengan perihal akademik IPT perlu didokumentasikan bagi tujuan rujukan.

8.4 Pengurusan dan Staf

- 8.4.1 Institusi perlu mempunyai satu (1) dasar pengambilan pekerja yang jelas dan didokumentasikan.
- 8.4.2 Sebagai contoh pengambilan pekerja terutama bagi staf akademik perlu menitikberatkan dari segi kelayakan akademik.

8.5 Sumber pendidikan

- 8.5.1 Sumber pendidikan yang mencukupi adalah perlu bagi menyokong aktiviti pembelajaran dan pengajaran kursus pengajian atau program secara ODL. Institusi harus mempunyai komitmen di dalam penyediaan sumber pendidikan yang mencukupi terutama kemudahan fizikal untuk merancang, mengurus, menyampaikan dan menyokong kursus pengajian atau program yang dijalankan secara ODL. Penyediaan kemudahan dan infrastruktur terutama yang berasaskan teknologi maklumat dan komputer haruslah mencukupi dan dapat menyokong aktiviti pembelajaran dan pengajaran.
- 8.5.2 IPT bertanggungjawab menyediakan polisi dan prosedur yang jelas berhubung penggunaan peralatan dan sumber pendidikan atau kemudahan fizikal IPT.

9. PROSEDUR PERMOHONAN PENGENDALIAN PEMBELAJARAN SECARA TERBUKA DAN JARAK JAUH (ODL)

9.1 Permohonan Pengendalian Kursus Pengajian atau Program Baru atau Tambahan atau Pembaharuan

- 9.1.1 Permohonan perlu dibuat kepada Ketua Pendaftar oleh ketua eksekutif IPTS dengan mengisi borang permohonan berikut bersama dokumen-dokumen berkaitan:
 - 9.1.1.1 Mengendalikan kursus pengajian atau program baru
Jadual Pertama (Borang A – Permohonan Untuk Mengendalikan Kursus Pengajian)
 - 9.1.1.2 Mengendalikan kursus pengajian atau program tambahan
Jadual Pertama (Borang B – Permohonan Untuk Mengendalikan Kursus Pengajian Tambahan)
 - 9.1.1.3 Memperbaharui kursus pengajian atau program
Jadual Pertama (Borang C – Permohonan Untuk Membaharui kelulusan Kursus Pengajian)
- 9.1.2 Fi kelulusan atas nama **Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi** dikenakan bagi permohonan untuk mengendalikan kursus pengajian atau program. Fi yang dikenakan adalah seperti berikut:
 - 9.1.2.1 Peringkat Sijil – RM1,000.00
 - 9.1.2.2 Peringkat Diploma – RM1,500.00
 - 9.1.2.3 Peringkat Ijazah dan ke atas – RM2,000.00 (bagi kursus pengajian atau program selain perubatan, farmasi dan pergigian)
 - 9.1.2.4 Peringkat Ijazah dan ke atas – RM2,500.00 (bagi kursus pengajian atau program perubatan, farmasi dan pergigian)

10. SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENGENDALIAN KURSUS PENGAJIAN ATAU PROGRAM BARU, TAMBAHAN DAN PEMBAHARUAN SECARA ODL

10.1 Permohonan Pengendalian Kursus Pengajian atau Program Baru atau Tambahan

10.1.1 Borang Permohonan Untuk Mengendalikan Kursus Pengajian

10.1.1.1 Mengendalikan kursus pengajian atau program baru

Jadual Pertama (Borang A - Permohonan Untuk Mengendalikan Kursus Pengajian)

10.1.1.2 Mengendalikan kursus pengajian atau program tambahan

Jadual Pertama (Borang B - Permohonan Untuk Mengendalikan Kursus Pengajian Tambahan)

10.1.2 Salinan perakuan pendaftaran

10.1.3 Salinan surat perakuan memenuhi keperluan kualiti daripada Agensi Kelayakan Malaysia bagi tujuan menawarkan kursus pengajian atau program

10.1.4 Salinan Memorandum Perjanjian dan Memorandum Persefahaman bagi kursus pengajian atau program kerjasama dengan Universiti rakan berkenaan yang disahkan (jika berkenaan)

- 10.1.5 Salinan surat kelulusan dari Jabatan Pengajian Tinggi berkaitan kelulusan YB Menteri bagi kursus pengajian atau program kerjasama dengan universiti awam dalam negara yang disahkan (jika berkenaan)
- 10.1.6 Salinan pengesahan bagi kursus pengajian atau program kerjasama dengan badan-badan profesional (jika berkenaan)
- 10.1.7 Struktur yuran kursus pengajian atau program
- 10.1.8 Surat justifikasi menggunakan bahasa pengantar dalam bahasa Inggeris dan bahasa Arab (jika berkenaan)

Setelah permohonan diproses bagi tujuan kelulusan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia akan memaklumkan kepada pihak IPTS mengenai fi kelulusan yang perlu dijelaskan seperti berikut:

- 10.1.9 Fi kelulusan atas nama **Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi**
- 10.1.9.1 Peringkat Sijil – RM1,000.00
- 10.1.9.2 Peringkat Diploma – RM1,500.00
- 10.1.9.3 Peringkat Ijazah dan ke atas – RM2,000.00 (bagi kursus pengajian atau program selain perubatan, farmasi dan pergigian)
- 10.1.9.4 Peringkat Ijazah dan ke atas – RM2,500.00 (bagi kursus pengajian atau program perubatan, farmasi dan pergigian)

10.2 Permohonan Pengendalian Pembaharuan Kursus Pengajian atau Program

- 10.2.1 Borang permohonan
Jadual Pertama (Borang C – Permohonan Untuk Membaharu
kelulusan Kursus Pengajiann)
- 10.2.2 Salinan perakuan pendaftaran yang disahkan
- 10.2.3 Salinan surat kelulusan pengendalian kursus pengajian atau
program yang asal
- 10.2.4 Salinan surat perakuan akreditasi
- 10.2.5 Salinan sijil akreditasi
- 10.2.6 Salinan surat kelulusan pindaan maklumat kursus pengajian atau
program (jika berkenaan)

Setelah permohonan diproses bagi tujuan kelulusan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia akan memaklumkan kepada pihak IPTS mengenai fi kelulusan yang perlu dijelaskan seperti berikut:

- 10.2.7 Fi kelulusan atas nama **Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian
Tinggi**
- 10.2.7.1 Peringkat Sijil – RM1,000.00
- 10.2.7.2 Peringkat Diploma – RM1,500.00
- 10.2.7.3 Peringkat Ijazah dan ke atas – RM2,000.00 (bagi
kursus pengajian atau program selain perubatan,
farmasi dan pergigian)
- 10.2.7.4 Peringkat Ijazah dan ke atas – RM2,500.00 (bagi
kursus pengajian atau program perubatan, farmasi
dan pergigian)


10.3 Permohonan Pindaan atau Tambah Butiran atau Syarat dalam Surat Kelulusan Pengendalian Kursus Pengajian atau Program

10.3.1 Salinan surat kelulusan pengendalian kursus pengajian atau program yang asal


10.3.2 Salinan surat perakuan memenuhi keperluan kualiti bagi tujuan menawarkan kursus pengajian atau program (syor MQA)

11. CARTA ALIR PERMOHONAN PENGENDALIAN KURSUS PENGAJIAN ATAU PROGRAM SECARA ODL

11.1 Prosedur Permohonan Pengendalian Kursus Pengajian atau Program Baru atau Tambahan atau Pembaharuan



11.2 Prosedur Permohonan Pindaan/Tambah Butiran/Syarat dalam Surat Kelulusan Pengendalian Kursus Pengajian/Program



12. TEMPOH PEMROSESAN

Permohonan pengendalian pembelajaran secara terbuka dan jarak jauh (ODL) akan diproses dan diselesaikan dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja.

13. TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan dan kriteria ini berkuat kuasa bermula 27 November 2013.

14. PENUTUP

Bagi memperkasakan IPT dan melahirkan graduan yang berpengetahuan, berkemahiran dan berketrampilan serta mempunyai ciri-ciri peribadi unggul bagi memenuhi permintaan guna tenaga negara pelbagai usaha yang dibuat oleh pihak KPM untuk membantu IPTS di dalam mencapai hasrat kementerian.

Diharap garis panduan dan piawaian yang disediakan ini dapat memberi panduan di dalam memastikan bahawa pembelajaran secara terbuka dan jarak jauh (ODL) mempunyai kualiti yang tinggi dan graduan yang dihasilkan setanding dengan graduan yang dididik melalui pengajaran dan pembelajaran secara konvensional.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan Garis Panduan dan Piawaian Pembelajaran Secara Terbuka dan Jarak Jauh (ODL) hendaklah dirujuk kepada:

Bahagian Pendaftaran dan Piawaian
Pengurusan Pengajian Tinggi Swasta
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 5, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 Wilayah Persekutuan Putrajaya
Tel: 03-8870 6000
Faks: 03-8870 6856

RUJUKAN

Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] dan Peraturan-Peraturan.

Garis Panduan Prosedur, Kriteria Dan Standard Kualiti Kursus Pengajian Yang Dikendalikan Secara Pendidikan Jarak Jauh Bagi IPTS.

Garis Panduan Amalan Baik: Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL) yang dikeluarkan oleh MQA.

Garis Panduan Amalan Baik: Pembelajaran Secara Terbuka Dan Jarak Jauh (*Open And Distance Learning*, ODL) yang dikeluarkan oleh MQA.

Getting Started, Establishing and Operating Private Higher Education Institution (PHEI), Business in Malaysia (2011).